

FINAS telah memperuntukkan RM4 juta bagi Dana Pembangunan Penjenamaan Produk Industri Kandungan Kreatif Tempatan di bawah RMK-11. Dana ini bagi membantu para penyedia kandungan memasarkan produk yang berpotensi melalui fasilitasi kewangan untuk projek *licensing* dan *merchandising*. Usaha ini mampu melonjakkan industri kreatif sebagai aset ekonomi pada masa hadapan.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) juga melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) sentiasa berusaha membangun dan mempertahankan industri kraf di Malaysia. Beberapa inisiatif dan usaha sedang dilakukan iaitu bagi memastikan kelestarian industri ini tercapai iaitu:

a) **Pengkomersilan Produk** akan dilaksanakan merangkumi aktiviti:

- **Kebolehcapaian Pasaran** menerusi pengenalan *outlet* fizikal dan *online* atau *virtual* bagi memasarkan produk kraf tempatan secara menyeluruh;
- **Pembangunan Rekaan Produk** iaitu melalui penggunaan perisian terkini dan simulasi produk bagi penghasilan produk kraf yang berkualiti serta memenuhi kehendak pasaran;
- **Pemeriksaan Usahawan** melalui kursus/latihan kemahiran teknikal, penggunaan aplikasi teknologi pintar dan pembangunan usahawan muda yang disokong oleh kemudahan kewangan, prasarana, fasiliti fizikal dan maya; dan
- **Komunikasi Pasaran Bersepadu** merangkumi pengiklanan digital, promosi dan publisiti media (*kempen media*, *jurnalisme online*, *editorial online* dan Tanggungjawab Sosial bagi memperkenalkan produk kraf tempatan kepada masyarakat Malaysia dan pelancong luar negara.